

**Dadah merosakkan
kehidupan bahagia**

SEBORANG ibu tua terpaksa menghabiskan sisa-sisa hidupnya di pondok yang begitu daif di hujung kampung kerana malu dengan masyarakat, lantaran anak tunggalnya, Hafiz (bukan nama sebenar) seorang penagih dan pengedar dadah.

Malah, lebih menyedihkan, ibu tua itu terpaksa berhadapan dengan panas baran Hafiz hampir setiap hari kerana menganggap ibunya hanya membebankan hidupnya sebelum ditangkap polis dan dibicarakan atas kes mengedar dadah.

Kini, dalam menghadapi hari-hari terakhir dalam hidupnya, ibu tua itu terlantar sakit dan tidak bermaya kerana terlalu menderita dengan sikap Hafiz yang telah diletakkan harapan ertinggi gunung sebagai tempat bergantung. Namun, semua impiannya nusnah kerana Hafiz memilih dadah sebagai 'kerjaya'.

Kisah ini merupakan cebisan daripada pengalaman yang terpaksa tempuh oleh ibu bapa yang anaknya orang penagih dadah.

Andai anda menyayangi keluarga insan-insan tersayang yang sentiasa berada di sekeliling anda, jangan sesekali mendekati dadah. Masalah nombor satu negara. Dadah bukan jalan penyelesaian terbaik untuk lari dari masalah malah membawa anda kepada kehancuran hidup!

Kesedaran

Jika anda mengambil langkah yang salah dalam menghadapi cabaran hidup, maka selama-lamanya dadah akan menjadi sebahagian daripada darah daging dan untuk kembali ke pangkal jalan memerlukan semangat juang yang tinggi.

Najis dadah boleh memusnahkan kehidupan sebagai anak yang taat kepada ibu bapanya, suami dan bapa yang bertanggungjawab, isteri dan ibu yang penyayang serta remaja yang bercita-cita tinggi akhirnya hidup tanpa arah tujuan.

Mesej Dadah Pemusnah, Musnahkan Dadah yang menjadi moto bagi sambutan Hari Anti Dadah Antarabangsa (HADA) tahun ini, membawa maksud yang jelas bahawa dadah mengancam kehidupan masyarakat bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia.

Apakah kita harus alpa dengan membiarkan pengambilan dadah secara berleluasa tanpa sebarang kesedaran di kalangan masyarakat atau penguatkuasaan yang dijalankan oleh agensi berkaitan.

Kini, hampir 200 juta orang di seluruh dunia menggunakan dadah yang diharamkan. Antaranya ialah ganja (pengguna paling ramai), diikuti dadah jenis ATS (amfetamin, metamfetamin, ekstasi, metkatinon).

Selain itu, golongan tersebut



SANGGUPKAH anda menjalani kehidupan begini semata-mata kerana ketagihan dadah?

menggunakan dadah jenis opiates (opium, morfin, heroin, opiates sintetik) dan seterusnya kokain.

Perlu diingatkan, dadah boleh merosakkan tubuh badan dan minda. Jika ia diambil secara tidak terkawal, ia mampu menyebarkan virus HIV kepada orang lain.

Justeru, sebagai tanda keprihatinan, HADA disambut setiap tahun pada tarikh 26 Jun bagi menyampaikan mesej mengenai masalah dadah kepada semua golongan masyarakat seluruh pelusuk dunia.

Kempen tiga tahun oleh United Nation Office on Drug and Crime (UNODC) yang bertemakan 'Adakah Dadah Kuasai Hidup Anda?' telah dilancarkan tahun lalu untuk memberi fokus kepada pelbagai aspek pengawalan dadah, antaranya; penyalahgunaan dadah untuk tahun 2007; penanaman tanaman mentah dadah dan pengeluaran bagi tahun 2008; serta penyeludupan dadah haram menjelang tahun 2009.

Tujuan kempen ini dijalankan agar dapat menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kesan utama dadah ke atas mereka.

UNICEF dalam kempenya turut mengingatkan kepada dunia bahawa pendidikan yang baik dan kemahiran-menjalani kehidupan positif adalah penting bagi mendidik golongan muda mengenai kesan-kesan buruk pengambilan dadah di samping membantu mereka mengelakkan diri daripada terlibat dengan pengambilan 'najis' tersebut.

Terlepas pada itu, pihak kerajaan, sekolah, dan media perlu bekerja keras dan bersatu padu dalam membimbing

generasi muda menerusi pendidikan, hubungan sesama rakan sebaya serta menggunakan pelbagai platform yang dapat memberi inspirasi kepada mereka seperti sukan, muzik dan hiburan dengan adanya sokongan daripada ibu bapa dan para pendidik.

Bagi tindak balas terhadap virus HIV dan dadah, masyarakat harus membuka mata dan minda dalam menentang HIV dan AIDS.

Dalam konteks mendidik anak-anak di negara ini pula, ia perlu disusuli dengan pengajaran positif seperti melayani penagih-penagih dadah secara berperikemanusiaan serta menghormati mereka seperti insan normal yang lain.

Secara tidak langsung, dalam memastikan para pengguna dadah bebas HIV, ia turut mampu menyelamatkan pasangan dan anak-anak mereka serta orang ramai daripada terdedah dengan virus tersebut.

Pada masa yang sama, penguatkuasaan undang-undang dan memberi pilihan penanaman tanaman lain kepada para petani turut memainkan peranan penting dalam proses pencegahan pada peringkat awal.

